# SENIBINA WARISAN MELAYU : ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA DARI SUDUT PENASKAHAN DAN KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

**WACANA MANUSKRIP MELAYU**

**Bilik Serbaguna Aras 1, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia**

**27 Julai, 2018**

**Anjuran :**

**Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu**
**Perpustakaan Negara Malaysia**

Disediakan Oleh :

Ar. Dr. Mastor Surat
PUSAT SENIBINA DAN ALAM BINA INOVASI
Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia



# SEKAPUR SIREH - *PREFACE*

## *THE INSPIRATION*

*From a pseudonymous letter of a quantity surveyor to the Builder, 9 March 1951*

***"I have great admiration for an architect who does his job well, because he has one of the most difficult job in the world. He must be an artist but at the same time in his administration of a building contract be a business man, and in interpreting it even something of a lawyer"***

# SEKAPUR SIREH - *PREFACE*

**Rumah Meleh Hajjah Wan Mek, 1880an, (Rumah Tiang Duabelas) Tumpat Kelantan**



Pada 1986, Mastor menjalankan kajian terhadap sistem tanggam warisan Rumah Tiang Dua Belas untuk Kajian Topikal di UTM, seterusnya kajian tesis Rekabentuk Senibina UTM pada 1988 yang bergagasan identiti kebangsaan






Mastor memulakan Kajian & Lukisan Terukur terhadap rumah warisan Melayu bersama rakan-rakan ketika menuntut di Universiti Teknologi Malaysia pada 1982

# SEKAPUR SIREH - *PREFACE*



Pada 2004, Mastor mendapat geran penyelidikan FRGS untuk mengkaji dan mensejarahkan semula Masjid Tua Kampung Laut seterusnya menjalankan kajian tesis Sarjana di UKM mengenai Masjid Warisan Melayu pada tahun 2012.



Pada 2006, Mastor mendapat geran penyelidikan daripada Perbadanan Muzium Negara untuk mengkaji dan melukiskan semula pelan pembangunan Istana Tengku Puteri, Kelantan. - Membangunkan 10 teori mengenai senibina warisan Melayu)



Pada 2010, Mastor mendapat geran penyelidikan GUP untuk mengkaji pensejarahan dan binaan rumag Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu dan menghasilkan seorang graduan sarjana UKM..



Pada 2008, Mastor mendapat geran penyelidikan daripada Perbadanan Muzium Johor untuk mengkaji Rumah Limas Johor dan menghasilkan buku.



Pada 2012, Mastor mendapat geran penyelidikan FRGS untuk mengkaji tahap kehijauan Rumah Warisan Melayu di Tanah Melayu.



Sejak 2010 hingga kini, Mastor telah mengembara ke seluruh Nusantara mengkaji binaan-binaan purba bangsa Melayu. – Memecahkan teori baru mengenai usul dan peradaban bangsa Melayu

# PERBINCANGAN – *POINTS OF DISCUSSION*

- **sekapur sireh** - *preface*
- **kemelut senibina** – *architectural crisis*
- **pengertian senibina** - meaning of *architecture*
- **Melayu** – *malay*
- **usul orang Melayu** - *origin of Malays*
- **peradaban Melayu** - *Malay civilisation*
- **bahasa orang Melayu** – *Malay language*
- **agama orang Melayu** – *religion of Malay*
- **senibina warisan Melayu** – Malay vernacular architecture
- **teras senibina warisan Melayu** - *principles of heritage Malay architecture*
- **makmal senibina** – *architectural laboratory*
- **pengiktirafan** - recognition
- **kata akhir** - *final say*

# kemelut

## senibina masakini

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI



Frank Gehry Claims Today's Architecture is (Mostly) "Pure Shit"

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI



Istana Lama Terengganu



Pusat Dagangan Dunia Putra KL



Menara Chulan KL

**Pemerhatian ke atas hasil peninggalan masyarakat lampau merupakan salah satu pendekatan yang sering di gunapakai dalam pentafsiran dan penghasilan sesuatu senibina masakini.**

**Namun begitu, pendekatan tersebut lebih kepada peniruan gaya dan perwatakan berikutan dari ketidak fahaman tentang falsafah masyarakat, tempat dan waktu menjadi latar kepada pembentukan sesuatu hasil kerja peninggalan tersebut.**

(Mastor 2004)



**Hagia Sophia, Turkey**
www.infomation-turkey.net/hagia-sophia-church-museum-istanbul



**Masjid Sultan Ahmad, Turkey**
www.sultanahmetmosque.com



**Masjid Wilayah Persekutuan**

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI




- proses rekabentuk
- keperluan pengguna
- budaya masyarakat
- keupayaan teknologi
- falsafah senibina

Menurut Frank Lloyd Wright Foundation yang berpusat di Teliesin West, USA, kemelut pendidikan dan amalan senibina bermula sejak zaman Renaissance lagi kerana tidak mementingkan manusia sebagai pengguna.

- tekanan kerjaya senibina
- halatuju dalam nilai menyongsang
- kedangkalan wacana dalam halatuju
- kemelut kerjaya dan ikhtisas
- kemelut pengurusan senibina dalam industri binaan
- saranan politik sebagai penentu halatuju
- kuasa dan perundangan
- pengurusan binaan
- kemelut senibina tempatan dalam mencari halatuju

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

## IKHTISAS DAN RINTANGAN TUGAS ARKITEK




- Kekeliruan konsep pembangunan dan kekaburan halatuju senibina
- Andaian umum terhadap kerjaya arkitek
- Arkitek sebagai 'hamba' kepada pemaju dan penaung projek
- Peranan arkitek tidak lagi dihormati
  - sebagai pegawai penguasa
  - wakil pegawai penguasa dan ketua penyelaras projek
  - Penasihat kepada pegawai penguasa
  - Penasihat kepada kontraktor
- Arkitek sebagai 'sub-servient' kepada pihak lain

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI



*Pembeli berhak tidak bersetuju menerima serahan milikan kosong dan menganggap ia tidak sah dari segi undang-undang*

## Pakatan jahat pemaju, arkitek

■ *Serah milikan kosong kepada pembeli walaupun rumah belum siap sepenuhnya*

Murni Wan Omar
murni@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemaju perumahan dikesan membuat penyerahan milikan kosong (kunci) kepada pembeli, sedangkan rumah di tapak pembinaan belum siap sepenuhnya.

Timbalan Presiden Persatuan Guaman Hartanah Malaysia (HartaGuam) Salkukhairi Abd Sukor, mendakwa pihaknya banyak menerima aduan berhubung isu ini.

"Apa yang menjadi kemusykilan adalah, bagaimana Sijil Kesiapan dan Pematuhan Cetificate of Completion & Compliance atau lebih dikenali sebagai CCC boleh dikeluarkan arkitek sedangkan rumah itu belum siap sepenuhnya?

"Perkara ini tidak sepatutnya berlaku, yang mana kalau kita rujuk kepada Perjanjian Jual Beli yang menggunapakai Jadual G atau H, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 dibaca bersama Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 jelas menunjukkan milikan kosong hanya diserahkan selepas bangunan siap dibina dengan sempurna," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan 2007) mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, ia mensyaratkan arkitek hanya bertanggungjawab mengeluarkan CCC selepas bangunan siap sepenuhnya dan mematuhi semua syarat dan undang-undang kecil yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

"Adalah melanggar kepada peruntukan undang-undang itu sendiri apabila arkitek berbuat demikian. Keadaan ini menggambarkan seolah-olah wujud elemen pakatan di antara pihak pemaju dan arkitek pemaju yang dilantik.

"Ia berkemungkinan pemaju mengarahkan pihak arkitek mengeluarkan CCC walaupun bangunan belum siap dibina sepenuhnya.

"Ini bertujuan untuk mengelakkan pemaju itu daripada terpaksa membayar ganti rugi kelewatan kepada pembeli," katanya.

Salkukhairi berkata, jika keadaan itu berlaku pembeli berhak tidak bersetuju menerima serahan milikan kosong itu dan menganggap ia tidak sah dari segi undang-undang.

"Pembeli boleh tidak bersetuju dengan cara tidak menandatangani sebarang perakuan penerimaan milikan kosong dan menghantar surat rasmi kepada pemaju dan dihantar salinan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), arkitek dan peguam untuk projek itu.

"Nyatakan bahawa berdasarkan pemerhatian, anda yakin rumah itu belum siap dibina sepenuhnya, justeru serahan milikan kosong yang dibuat dianggap tidak sah dan tidak sempurna," katanya.

Menurutnya, pembeli juga boleh membuat aduan rasmi kepada PBT yang mempunyai kuasa mengikut Seksyen 70 (22)-(24) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1975 (Pindaan 2007) untuk menyiasat sebarang tindakan pengeluaran CCC oleh arkitek yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

"PBT juga mempunyai kuasa mengarahkan pengeluaran CCC itu ditangguhkan atau dibekukan dan mengarahkan pihak yang berkenaan membetulkan segala ketidakpatuhan yang berlaku.

"Selain itu, pembeli boleh membuat aduan rasmi kepada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) atas dakwaan kegagalan mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai arkitek berdaftar mengikut undang-undang," katanya.

Kesalahan itu, menurut Salkukhairi adalah kesalahan disiplin mengikut Akta Arkitek 1967 yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda RM50,000 dan sijil arkitek mereka digantung serta boleh dipenjarakan.

"Bukan itu saja, pembeli juga boleh membuat aduan rasmi kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Sekiranya didapati pengeluaran CCC itu dibuat secara tidak sah dan tidak mengikut peringkat penyiapan progres pembinaan yang sebenar mengikut perjanjian jual beli, arkitek itu boleh didakwa di Mahkamah mengikut Seksyen 22F (1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966," katanya.

**"Adalah melanggar kepada peruntukan undang-undang itu sendiri apabila arkitek berbuat demikian. Keadaan ini menggambarkan seolah-olah wujud elemen pakatan di antara pihak pemaju dan arkitek pemaju yang dilantik"**

*Salkukhairi Abd Sukor*

SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

WACANA MANUSKRIP MELAYU 2018

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

## HALATUJU PENDIDIKAN SENIBINA DI MALAYSIA


Laporan Hala Tuju Pendidikan Seni Bina di Malaysi
ini menggariskan empat teras utama untuk digarap dalam amalan pendidikan seni bina masa kini dan yang akan datang. Cadangan yang diutarakan di dalam laporan ini adalah berteraskan maklum balas yang diterima daripada kaedah pengumpulan data kajian.

Rasional tentang teras utama Hala Tuju Pendidikan Seni Bina 2010-202
dibentangkan dengan terperinci di dalam laporan ini seperti yang beriku

- Memperkasakan kurikulum yang berdaya saing bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi;
- Meneruskan pembangunan prasarana yang mampan untuk memperkukuh pertumbuhan pengajaran dan pembelajaran jangka panjang;
- Mengukuhkan pembangunan sumber tenaga pengajar bagi menghasilkan tenaga kerja yang cekap, produktif dan profesional; d
- Meningkatkan tahap keupayaan dan jati diri pelajar dan graduan seni bina berpegang kepada profesion arkitek.







**PENYELIDIK DAN SIDANG PENYUNTING :**

Mansor Ibrahim

Abdullah Sani Ahmad

Abdul Malik Abdul Rahman

Norwina Mohd Nawawi

Norhati Ibrahim

Meor Mohammad Fared Meor Razali

Mastor Surat

Naziaty Mohd Yaacob

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI



SABTU

Utusan Malaysia 11.10.14

S2

1,001 keunikan Masjid Zahir

Bukan binaan masjid pertama

Putih telur, madu lebah bahan binaan utama(?)

Seni bina campuran asas reka bentuk masjid

Keratan akhbar yang mengulas tentang permbangunan senibina Masjid Zahir di Alor Setar Kedah yang menggunakan pendekatan 'eclectism' oleh Arkitek Inggeris.

## Masalah 1

**Tamadun masyarakat Melayu & Etnik Alam Melayu yang telah dibangunkan semenjak di awal tahun Masehi telah tergugat perkembangannya semenjak kehadiran para penjajah.**

**Para penjajah juga telah memburukkan lagi keadaan apabila mereka cuba untuk menghapuskan pengenalan masyarakat Melayu & Etnik Alam Melayu disamping memperkenalkan budaya mereka serta membawa kecelaruan senibina yang melanda Eropah di akhir kurun ke 18 M dengan pendekatan senibina *'eclectism'* sebagaimana yang berlaku di zaman Renaissance.**

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

## Penghapusan pengenalan masyarakat tempatan



Jamek Mosque, Kuala Lumpur (1909)



Municipal Council building, Penang (1879)



Selangor Club (1884)



Istana Maziah, Kuala Terengganu (1898)

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

**Penjajah menonjolkan pengenalan mereka**



*An interior view of the ruined St. Paul's Church (1590)*



*Fig. 1.10: Holy Rosary Church in Kuala Lumpur*



*Fig. 1.3: Stadthuys (1641-60)*



*St. George's School, Taiping (1915)*




*Fig. 1.4: Christ Church (1753)*

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

## Masalah 2

Selepas kemerdekaan, para cendikiawan yang telah menamatkan pengajian mereka di luar negara telah mengambil peranan untuk membangunkan negara masing-masing termasuklah Malaysia samaada sebagai arkitek, jurutera, pegawai takbir, ahli politik, usahawan dan sebagainya.

Tindakan dan pemikiran mereka yang masih belum mempunyai asas pemikiran dan hala tuju dalam seni bina, telah 'terbawa-bawa' dengan apa yang telah mereka lihat semasa di luar negara dimana telah mengakibatkan berlakunya kesan *'internasionalism'* ke atas corak pembangunan senibina dalam negara.

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

## Kesan 'internasionalism' kepada pembangunan senibina











# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

## Hilang arah tujuan

Untuk semua hasil kerja kesenian dan teknologi, hasil kerja senibina adalah merupakan perkara utama yang sering diperkatakan dalam mentafsirkan identiti kebangsaan.








# KEMELUT SENIBINA MASAKINI

## Hilang arah tujuan

Kebiasaannya kesukaran yang sering dihadapi oleh kebanyakan negara dalam gagasan senibina identiti kebangsaan ialah apabila rakyatnya terdiri dari pelbagai bangsa








Masjid Hui, Beijing China




Masjid Beijing, Rantau Panjang, Kelantan

# KEMELUT SENIBINA MASAKINI



SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU



# KEMELUT SENIBINA MASAKINI



## IDENTITI SENIBINA KEBANGSAAN

## KEMELUT SENIBINA MASAKINI

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Julai 2009 telah memutuskan supaya 'setiap bangunan baru yang dibina haruslah beridentitikan Malaysia'.

Mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyusul perkara tersebut di mana pihak KPKT telah bertindak dato tahun 2010 – 2012.

Lanjutan dari itu, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) di bawah Kementerian kerja Raya dengan usahasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan satu bengkel pada 18 dan 19 Disember 2012 untuk merangka satu draf Dasar Senibina Identiti Kebangsaan.

**IDENTITI SENIBINA KEBANGSAAN**

# pengertian

## senibina

# SENIBINA







*"The architecture is the result of the formation of a community in progress naturally. This is the result of life experiences and reflect the life of a community.*

*Architectural shape is the result of the influence of the way of daily life, beliefs, culture, history, environment and technical abilities.*

*Construction methods are influenced by environmental conditions and use local ingredients.*

*In general, historical architecture is consistent with the history of a community. This review of the development of civilization of the society then and now "*

Ikmal Hisham Albakri

SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU



# SENIBINA









***"Architecture is one of man's highest achievements, reflecting the culture of the time".***

Paul Rudolph



Masjid Al Syaffah, Singapura



Masjid Ara Damansara, Selangor

## SENIBINA







***Architecture is often associated with the development of culture.***

***Culture is something that is progress and not shift or imitation.***

***The architecture also needs to show progress and not shift or imitation.***

(Mastor 2004)





# SENIBINA









# SENIBINA



Pathenon, Greek


Panthion, Rome

***The Roman architect/engineer and author, Vitruvious, who extensively discussed the Doric or Ironic temples without referring to the term Classical, does refer by name to regional architecture, pointing to the differences in buildings around the world which he explains through climatic conditions and draws a parallel to the variations in the physique of people and concludes that "the arrangement of buildings" should be "guided" by "locality" and "climate".***






Mahkamah Persekutuan
Kuala Lumpur

# SENIBINA



Taj Mahal,
Agraa, India



Pejabat Perdana
Menteri Malaysia,
Putrajaya



***Architecture* is something that related to *culture*. For those buildings do not referring to culture, it cannot be called as 'architecture'; it just merely a *building*.**

Spiro Kostof

# SENIBINA







**Lazimnya pembangunan senibina warisan telah diilhamkan berdasarkan kepada empat perkara asas iaitu :**

- **iklim kedaerahan**
- **persekitaran setempat**
- **budaya masyarakat tempatan**
- **kearifan watan**

(Mastor, 2018)







# PERTALIAN ANTARA BULAN PURNAMA, AIR PASANG KELING, KELING KARAM, BANJIR DAN RUMAH LANTAI BERPANGGUNG






















# PERTALIAN ANTARA BULAN PURNAMA DAN AIR PASANG KELING

Mastor Surat
Jabatan Seni Bina

Tempoh satu bulan atau orang Melayu memanggilnya satu purnama dikira berdasarkan tempoh satu edaran lengkap bulan mengelilingi bumi selama 29.5 hari pada orbitnya. Bulan purnama ialah istilah untuk merujuk kepada rupa bulan yang mengambang penuh dengan lingkaran sempurna. Keadaan ini berlaku sekali pada setiap bulan kalendar, iaitu sama ada pada hari ke-14 atau ke-15 menurut kiraan edaran bulan mengelilingi bumi.

Lazimnya, bulan purnama berkedudukan lebih dekat dengan bumi di orbitnya yang elips. Sesekali dalam tempoh beberapa tahun, bulan berkedudukan sangat hampir dengan bumi yang membuatkan bulan dilihat sangat besar. Fenomena ini dikenali sebagai 'super moon' dan dalam bahasa Melayu diistilahkan sebagai 'purnama besar' tetapi ada juga yang memanggilnya sebagai 'bulan purnama raksasa'. Semasa bulan purnama, lazimnya tarikan graviti bertambah kuat dan boleh menyebabkan air pasang besar. Orang Melayu menggelar air pasang besar tersebut dengan 'air pasang keling'. Keling merujuk sejenis kenderaan air atau kapal Melayu yang ukurannya lebih kecil daripada jong dan bahtera.

Apabila air pasang keling berlaku pada musim tengkujuh, banjir besar mungkin berlaku. Air pasang keling akan mengalir masuk ke muara sungai dan menolak aliran air ke arah hulu sungai. Ketika hujan lebat, air permukaan tinggi akan mengalir deras masuk ke hulu sungai menuju ke muara. Sekiranya alur sungai tidak dapat menampung air pasang keling dan air hujan di permukaan, maka jumlah air akan melimpah ke dataran rendah dan berlakulah banjir. Aras banjir bertambah parah apabila fenomena tersebut berlaku ketika bulan purnama penuh, iaitu ketika ketinggian air pasang keling meningkat lebih tinggi daripada biasa. Bagi masyarakat Melayu tradisional, aras banjir tersebut menjadi tanda aras dan panduan dalam menyediakan reka bentuk bangunan dan prasarana.

Berdasarkan fenomena alam ini juga orang Melayu membangunkan satu falsafah seni bina, iaitu tanah yang didirikan bangunan di atasnya hanyalah ditumpang buat seketika kerana tanah tersebut ada pemilik agungnya. Mereka hanya mendiami ruang atas dan makhluk lain, seperti haiwan, angin, air atau manusia lain masih boleh lalu di atas permukaan tanah di bawah ruang kediaman.

Hal ini menunjukkan bahawa budaya, kepercayaan atau keagamaan dan seni bina Melayu telah membentuk suatu kesepaduan yang sangat istimewa. Keistimewaan ini disebabkan gaya seni binanya yang tunduk dan tidak menyombong, menyerlahkan identiti setempat, memenuhi hasrat kekeluargaan serta kemasyarakatan.

Kini, kebanyakan orang Melayu telah lupa dengan lumrah alam ketika mereka membangunkan seni bina dan prasarana. Walaupun mereka telah melihat binaan yang mempunyai lantai berpanggung kurang mengalami kerosakan ketika banjir tetapi masih ramai yang tidak menyedarinya dan masih meneruskan pembangunan yang mengundang bahaya. Inilah satu kerugian yang telah dialami oleh orang Melayu, yang tidak mahu belajar dengan jumpaan yang telah diperoleh daripada nenek moyang mereka dahulu dalam membangunkan seni bina dan prasarana. Mereka Bukan sahaja telah kehilangan jati diri bangsa tetapi juga membangunkan peradaban yang mengundur.

untuk maklumat lanjut sila e-mel :
mastor@ukm.edu.my

# SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN




**Berdasarkan kepada maklumat yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia, lambang dan siri pengolahan tata budaya kemasyarakatan bangsa Melayu (rakyat asal) diangkat menjadi identiti dan jatidiri kebangsaan Malaysia.**

**Perkara tersebut telah dipersetujui dalam kontrak sosial dengan kaum-kaum lain yang bersetuju untuk tinggal di Malaysia.**

Profesor Emeretus Dato' Dr. Teo Kok Keong (03.08.2017), Forum Kelestarian Warisan Senibina Melayu







# bangsa
# Melayu

# PENGERTIAN MELAYU



Perkataan 'Mo-lo-yu', ' Mo-lo-yeu' atau 'Mali-yu-eul' telah disebut di China dalam tahun 644 M (Liang Liji,1996).



Dalam bahasa Sanskrit, 'Malaya' bermaksud gunung. Dalam bahasa Tamil 'malai' bermaksud gunung dan 'uur' bermaksud kota. (Wan Hashim Wan The, 2012).

Mungkin 'malai-uur' atau 'Melayu' bermaksud orang yang membina kota gunungan, meru atau piramid.





# PENGERTIAN MELAYU









**Gunungan atau piramid tertua (10 ribu tahun) dijumpai di dasar laut Pentas Sunda sekitar Pulau Okinawa.**

**Piramid di Mesir berusia 5 ribu tahun. Binaan piramid juga dijumpai di Amerika Selatan, Bosnia, China dan India. Banyak binaan berbentuk gunungan dijumpai di Jawa, Sumatera dan Tanah Melayu.**

**Berkemungkinan semua binaan gunungan/meru di muka bumi ini dibina oleh bangsa Melayu kerana sehingga kini hanya Orang Melayu yang masih meneruskan binaan meru untuk masjid..**

(Mastor Surat, 2012)







Piramid Yonaguni Jima (8,000BC)
www.archstudy.wordpress.com



Piramid Gunung Lalakon, Jawa Tengah. www.google.com.my



Borobudur Jawa Tengah (8 AD)
www.froyoplus.com



Masjid Kampung Tuan, Kemaman Terengganu (18AD)

## PIRAMID LELUHUR MELAYU – DAHULU HINGGA SEKARANG (8,000BC – 2000AD)



Piramid Mayan Mexico (1,000BC)
www.archstudy.wordpress.com



Pyramid of Giza. (2,000BC)
www.archstudy.wordpress.com



Pyramid of The Moon, Teotihuancan, Mexico. www.froyoplus.com



Masjid Kampung Keling, Melaka (19AD)

Piramid Candi Sukuh, Jawa Tengah (15AD). www.google.com



Piramid Lembah Bujang Kedah. (110AD)
www.wikipedia.org/niki/Lembah-bujang



Masjid Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia



Masjid Tua Kampung Laut, Lilam Puri Kelantan (17AD)



# PENGERTIAN MELAYU







**Kajian yang telah dilakukan oleh Bill Schul & Ed Pettit terhadap ruang dalaman pyramid yang sangat menakjubkan mengenai ruang suci dalam piramid.**







**Binaan ruang suci telah dilestarikan dalam binaan masjid warisan Melayu**



# PENGERTIAN MELAYU







**Orang Melayu terus melestarikan bentuk 'gunungan' atau 'meru' yang kini lebih dikenali sebagai piramid ke dalam unsur budaya kehidupan mereka.**

**Gunungan telah menjadi lambang kehadiran orang Melayu yang telah dizahirkan melalui makanan, busana dan bangunan.**








# PENGERTIAN MELAYU

## PERLEMBAGAAN MALAYSIA :
## Perkara 160

Orang Melayu itu mestilah:

- beragama Islam
- mengamalkan adat istiadat Melayu
- bertutur menggunakan bahasa Melayu dan
- (a) lahir sebelum hari merdeka sama ada di Persekutuan atau Singapaura, atau pada hari merdeka telah bermastautin di Persekutuan atau Singapura.

  (b) atau ia adalah keturunan seseorang tersebut

# 'MELAYU'

Usman Awang – Sasterawan Negara

Melayu itu orang yang bijaksana
Nakalnya bersulam jenaka
Budi bahasanya tidak terkira
Kurang ajarnya tetap santun
Jika menipu pun masih bersopan
Bila mengampu bijak beralas tangan

Melayu itu berani jika bersalah
Kecut takut kerana benar
Janji simpan di perut
Selalu pecah di mulut
Biar mati adat
Jangan mati anak

Dalam sejarahnya
Melayu itu pengembara lautan
Melorongkan jalur sejarah zaman
Begitu luas daerah sempadan
Sayangnya kini segala kehilangan

Melayu itu kaya falsafahnya
Kias kata bidal pusaka
Akar budi bersulamkan daya
Gedung akal laut bicara

Malangnya Melayu itu kuat bersorak
Terlalu ghairah pesta temasya
Sedangkan kampung telah tergadai
Sawah sejalur tinggal sejengkal
Tanah sebidang mudah terjual

Meski telah memiliki telaga
Tangan masih memegang tali
Sedang orang mencapai timba
Berbuahlah pisang tiga kali
Melayu itu masih bermimpi

Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang di rumah sendiri
Berkelahi cara Melayu
Menikam dengan pantun
Menyanggah dengan senyum
Marahnya dengan diam
Merendah bukan menyembah
Meninggi bukan melonjak

Watak Melayu menolak permusuhan
Setia dan sabar tiada sempadan
Tapi jika marah tak nampak telinga
Musuh dicari ke lubang cacing
Tak dapat tanduk telinga dijinjing
Maruah dan agama dihina jangan
Hebat amuknya tak kenal lawan

Berdamai cara Melayu indah sekali
Silaturrahim hati yang murni
Maaf diungkap senantiasa bersahut
Tangan diulur sentiasa bersambut
Luka pun tidak lagi berparut

Baiknya hati Melayu itu tak terbandingkan
Segala yang ada sanggup diberikan
Sehingga tercipta sebuah kiasan:
“Dagang lalu nasi ditanakkan
Suami pulang lapar tak makan
Kera di hutan disusu-susukan
Anak di pangkuan mati kebuluran”

Bagaimanakah Melayu abad dua puluh satu
Masihkan tunduk tersipu-sipu ?
Jangan takut melanggar pantang
Jika pantang menghalang kemajuan;
Jangan segan menentang larangan
Jika yakin kepada kebenaran;
Jangan malu mengucapkan keyakinan
Jika percaya kepada keadilan

Jadilah bangsa yang bijaksana
Memegang tali memegang timba
Memiliki ekonomi mencipta budaya
Menjadi tuan di negara Merdeka!

# PENGERTIAN MELAYU

**Sehingga kini, pensejarahan asal-usul orang Melayu masih belum jelas. Merujuk kepada catatan China lama, pada kurun ke 13 M, 'Melayu' tidak dirujuk sebagai satu bangsa.**

- **Hanya pada kurun ke 18 M, baru ketara penggunaan istilah 'Melayu' sebagai suatu bangsa.**



# PENGERTIAN MELAYU

## *THE CONCEPTION OF MALAY AS A RACE*

*In his 1775 doctoral dissertation titled De generis humani varietate nativa (On the Natural Varieties of Mankind), Blumenbach outlined four main human races by skin color, namely Causian (white), Negroid (black), Native Amarican(red), and Mongolian (yellow).*

- ***By 1795, Blumenbach added another race called 'Malay' which he considered a subcategory of both the Ethiopian and Mongoloid races. The Malay race belonged to those of a "brown color: from olive and a clear mahogany to the darkest clove or chestnut brown." Blumenbach expanded the term "Malay" to include the native inhabitants of the Marianas, the Philippines, the Malukus, Sundas, Indochina, as well as Pacific Island like the Tahitian.***

*He considered a Tahitian skull he had received to be the missing link; showing the transition between the "primary" race, the Caucasians, and the "degenerate" race, the Negroids.*

# PENGERTIAN MELAYU

- ***"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendalam PengetahuanNya".***

  *(Al Quran, Al-Hujurat : 13)*

- ***"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan".***

  *(Al Quran, Al-Rum : 22)*

# PENGERTIAN MELAYU

- Satu lagi kenyataan yang belum dibongkar ialah yang mengatakan bahawa orang Melayu adalah keturunan Nabi Ibrahim dari hasil perkahwinannya dengan salah seorang daripada 12 orang isterinya yang bernama Katura.

  Masyarakat yang terbentuk dari keturunan tersebut telah berhijrah dari tempat asal mereka merentasi banjaran Himalaya sebelum tiba di Alam Melayu. Dalam bahasa Sanskrit, 'Himalaya' bermakna 'Pergunungan'.

  Walaubagaimanapun orang Melayu adalah sebahagian dari keturunan umat Nabi Nuh yang terselamat dari banjir besar semasa di zamannya.

# PENGERTIAN MELAYU

- Dalam bahasa Jawa dan Mendeleng, perkataan 'Melayu' adalah memberi makna berlari atau meninggalkan tempat asal. Berkemungkinan kumpulan tersebutlah antara gelombang perpindahan pertama yang telah berlaku pada tahun 35,000 SM sebagaimana yang telah dibuktikan oleh ahli arkeologi.

- Seorang sejarawan Sri Lanka bernama De Silva telah merumuskan bahawa kehidupan tetap dan bertamadun bermula lebih awal di Asia Tenggara dari kawasan-kawasan lain seperti di Timur Tengan, India dan China.








# PENGERTIAN MELAYU

**Teori penghijrahan gelombang pertama kumpulan Melayu Proto dari wilayah Yunan atau selatan China pada 3,000 - 1,500 SM dan penghijrahan gelombang kedua oleh kumpulan Melayu Deutro dari 1,500 - 300 SM sebagaimana yang dinyatakan oleh P&F Sarasins pada tahun 1892 dan diperkukuhkan oleh Heine Geldern pada tahun 1932 telahpun disangkal berikutan dari penemuan bukti arkeologi tersebut.**

**Yang nyata, tarikh yang telah diberikan adalah merupakan tarikh perpindahan rumpun Melayu-Polinesia dari Alam Melayu benua ke wilayah Lautan Teduh (Pacific Ocean).**

**TEORI TERSEBUT TELAH DINAFIKAN DALAM PERSIDANGAN USUL MELAYU INDUKNYA DI ALAM MELAYU – Kuala Lumpur 2012**

# PENGERTIAN MELAYU

**Menurut catatan pengembara-pedagang Cina, semenjak di kurun akhir Sebelum Masehi sehingga beberapa abad pertama Masehi, Orang Melayu telahpun membangunkan tamadun dan kerajaan mereka seperti Javadvipa di Jawa dan Sumatera, Champa dan Funan di benua dan Langkasuka di Segenting Kra.**

**Setelah itu diikuti pula oleh kerajaan-kerajaan Patani di Segenting Kra, Sri Wijaya di Sumatera, Majapahit di Jawa dan Empayar Melaka di Semenanjang Tanah Melayu.**

# PENGERTIAN MELAYU

Secara dasarnya orang Melayu dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu yang hidup di tengah benua, suku kaum yang mendiami hutan pendalaman dan pelaut yang mendiami kepulauan.

Namun begitu telah berlaku penghijrahan dari kumpulan yang mendiami benua ke persisiran pantai. Kumpulan tersebutlah yang telah meneruskan, membangunkan seterusnya menyerlahkan ketamadunan masyarakat Melayu.

# PENGERTIAN MELAYU

**Orang melayu adalah masyarakat petani, nelayan, pelombong, pelayar dan pedagang yang berdaya maju.**

**Mereka saling berhubung dengan masyarakat dunia luar dimana telah dibangunkan atas dasar monarki atau pemerintahan beraja yang dianuti dari kepercayaan atau agama terdahulu.**

**Kepercayaan tersebut telah tersebar luas di Alam Melayu semenjak di awal kurun Masehi lagi.**

# PENGERTIAN MELAYU

Berdasarkan bukti yang banyak dari sumber Arab, Portugis, Belanda, Sepanyol, dan Inggeris bahawa orang Melayu di Alam Melayu telah mempunyai satu kelas perdagangan yang dah mantap sebelum datangnya penjajah Barat.

Mereka adalah masyarakat pedagang yang bergiat mengimport dan mengeksport komoditi secara bebas, memiliki modalnya sendiri, membiayai urusan jual-beli, menguruskan perkapalan secara besar-besaran dengan menggunakan kapal pengankutan yang besar dan berteknologi tinggi dan mampu untuk membuat pelayaran jauh.

# PENGERTIAN MELAYU

Berdasarkan kepada kemantapan ekonomi perdagangan, sebagai landasan material yang dijadikan tapak kukuh, orang Melayu mampu membangunkan tamadun Melayu yang besar dan hebat sehingga dicemburui oleh masyarakat Eropah.

Namun begitu, kumpulan etnik Alam Melayu dari suku kaum asli dan suku kaum pelaut, mereka masih meneruskan kehidupan teradisi mereka tanpa berusaha untuk membangunkan kehidupan gemilang sehinggalah sekarang.

# PENGERTIAN MELAYU

**Menurut Khoo Kay Kim (1991), masyarakat Melayu sehingga pertengahan kurun ke 18 M adalah terdiri dari golongan pedagang dan pelaut *(maritime character)* berbanding dengan petani *(agrarian character )*.**

**Mereka juga telah berjaya membangunkan kerajaan-kerajaan besar yang berasaskan kepada perdagangan dan kelautan.**

# PENGERTIAN MELAYU

Perkembangan ketamadunan orang Melayu terdahulu telah terencat apabila berlakunya penjajahan. Penjajah telah memecahkan kesatuan orang Melayu dengan mewujudkan persepadanan politik yang baru.

Pentakrifan Melayu telah menjadi semakin rencam dengan panggilan yang berbeza menurut negara masing-masing. Orang Melayu yang tinggal di Filipina dipanggil 'Filipinos', orang Melayu yang tinggal di Indonesia dipanggil 'Indonesians', sementara orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Brunei masih kekal dipanggil Melayu.

Namun begitu, golongan kaum asli yang tinggal di kawasan pendalaman dan kaum pelaut dipanggil kaum bumiputra (son of the soil).

# PENGERTIAN MELAYU

**Kini kesatuan orang Melayu telah semakin lemah bila orang Melayu telah ditafsirkan secara berbeza menurut perlembagaan sesebuah negara, persejarahan dan sosio-budaya yang mereka amalkan.**

# SUKU KAUM ALAM MELAYU

















# ETNIK ALAM MELAYU







# usul

# orang Melayu

# USUL ORANG MELAYU

## DNA KROMOSOM – Y ADAM

- **Kajian terbaharu melaporkan yang kromosom - Y Adam telah melangkaui satu salasilah kehidupan manusia sejak sehingga sekitar 338,000 tahun dahulu.**

(Mendez, Fernando; Krahn, Thomas; Schrack Bonnie; Krahn, Astrid-Maria; Veeramah, Krishna; Woener, August; Fomine, Forka Leypey Mathew; Bradman, Neil dll (2013). "An African American Paternal lineage adds an extremely ancient root to the human Y chromosome phylogenetic tree" American Journal of Human Genetics 92 (3) : 454

**Hasil kajian tersebut mencadangkan bahawa Nabi Adam a.s. telah hidup di bumi ini sejak 338,000 tahun dahulu.**

# USUL ORANG MELAYU

**Melayu Purba *(Proto Malay)*, Semang-Negrito dan Senoi (Orang Asli) tidak mempunyai pertalian genetik dengan makhluk purba terawal di Afrika – Homo Ibis & Homo Erectus.**

**Masyarakat terawal Asia Tenggara adalah asal-usul kepada kaum China dan lain-lain masyarakat Asia Timur.**

(Stephen Openheimer, 2012)

**Mungkinkah masyarakat Asia Tenggara adalah kumpulan Homo Sapiens terawal?**

Gambar di sebelah kanan menunjukkan wanita di Nanning, Ghuangzhi China memperagakan tanjak yang hampir sama gaya dan perwatakannya dengan tanjak wanita Melayu di Naning Negeri Sembilan sebagaimana gambar di bawah. Wanita Minang juga mempunyai rekabentuk tanjak yang hampir sama solekannya.





# USUL ORANG MELAYU

*'Surat dari cerpu langit, datang ke atas mahkota raja Melaka; bahawa kita dengar raja Melaka raja besar, sebab itulah maka kita hendak bersahabat dan berkasih-kasihan dengan raja Melaka, kerana kitapun daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, sebangsa juga dengan Raja Melaka……..'*

**Perkataan 'daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain' adalah menarik untuk diperhatikan.**

(Sejarah Melayu : Catara ke 15 – Hubungan antara Sultan Melaka dengan Maharaja Ming)

# USUL ORANG MELAYU

**Masyarakat terawal Asia Tenggara adalah asal-usul kepada kaum China dan lain-lain masyarakat Asia Timur.**

(Stephen Openheimer, 2012)



Rumah orang Cina di Pasir Mas, Kelantan



Rumah orang Cina di Johor



Rumah warisan Nanning, Ghuangzi, China



Rumah warisan Jepun



Rumah warisan Korea Selatan



Rumah warisan Thailand

# USUL ORANG MELAYU










Berdasarkan kepada penjenisan rumah kediaman yang telah dibangunkan oleh masyarakat Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu serta amalan kehidupan mereka kumpulan suku kaum induk mereka mudah dikenal pasti dan dipisahkan kepada tiga kumpulan iaitu:

- Semang-Negrito
- Senoi
- Melayu Purba *(Proto Malay)*

(Mastor Surat, 2010)









# USUL ORANG MELAYU


Kaum Mahmeri, di Selangor

**Dicadangkan bahawa ketiga-tiga kumplan Orang Asli tersebut telah menjadi induk kepada perkembangan suku bangsa yang lain diseluruh dunia.**

| | | |
|---|---|---|
| **Semang-Negrito** | **:** | **Negro, Etopia dll** |
| **Senoi** | **:** | **Dayak, Polinesia, Austroasia, Kalingga, Austronesia dll** |
| **Malay Proto** | **:** | **Melayu, Sino, Siam, Jakun dll** |

(Mastor Surat, 2010)


Kaum Karen, di Thailand


Kaum Iban, di Sarawak


Kaum Negrito, di Sulawesi, Indonesia

# USUL ORANG MELAYU

## RUMAH MASYARAKAT DARI KETURUNAN SENOI - Dayak, Toraja, Batak, Sunda, Polinesia, Austroasia, Austronesia dll.



Rumah kaum Senoi di Tanah Melayu



Rumah kaum Lotut di Sabah



Rumah kaum Sunda di Jawa Barat



Rumah kaum Karen di Mae Hong Song, Thailand



Rumah kaum Toraja di Sulawesi, Indonesia



Rumah kaum Tha'ai di Changmai, Thailand



Rumah kaum Batak di Sumatera Utara, Indonesia

# USUL ORANG MELAYU





Kedua-dua gambar di atas adalah binaan rumah Orang Jakun yang mempunyai kesamaan rekabentuk dengan rumah warisan Orang Melayu

## ORANG MELAYU IBU SEGALA BANGSA

**Berdasarkan kajian, mtDNA Orang Melayu mengandungi unsur yang bercampur-campur seperti yang terdapat pada orang Arab, Parsi. Cina, India, Siam (bukan Tha'ai) dan Melayu Proto (Jakun)**

(Stephen Openheimer, 2012).

**mtDNA Orang Melayu memegang catatan tempoh salasilah terpanjang iaitu sehingga 200 ribu tahun**

(Zafarina Zainuddin,2012)

- **Oleh itu Orang Melayu telah diisytiharkan sebagai 'ibu segala bangsa' *(mother of all races)* di mana bangsa ini mempunyai kandungan haplogroup mtDNA yang paling lengkap.**

# USUL ORANG MELAYU

## BANGSA YANG HILANG DAN TANAH YANG DIJANJIKAN

- Semenanjung Tanah Melayu adalah 'Tanah yang dijanjikan' *(The Promised Land). dan 'The Lost Tribe' adalah Orang Melayu*

  Mengikut Book of Mormon, sebahagian Orang Melayu daripada Semenanjung Melayu (termasuk Selatan Thai) ialah dari kalangan Bani Israil, iaitu dari kumpulan Lehi ( iaitu dari Manasseh keturunan Yusuf bin Ya'akub).

  (Ralf A. Olsen, 1979)

- Menurut kajian DNA yang dilakukan ke atas 86 lelaki Melayu oleh penyelidik di UKM, terdapat 27% variant Mediterranean dalam darah DNA Melayu. Dalam kamus sains, DNA Mediterranean adalah dari bangsa Euro-Semitik termasuk dari Bani Israil

# USUL ORANG MELAYU

Secara dasarnya orang Melayu dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu yang hidup di tengah benua, yang mendiami hutan pendalaman dan pelaut yang mendiami kepulauan.

- Namun begitu telah berlaku penghijrahan dari kumpulan yang mendiami benua ke persisiran pantai. Kumpulan tersebutlah yang telah meneruskan, membangunkan seterusnya menyerlahkan ketamadunan bangsa Melayu.

Kumpulan yang mendiami benua juga yang meneruskan perjalanan ke utara dan menyimpang ke timur dan barat.

- Perbezaan persekitaran dan iklim di timur dan barat telah menjadikan temurunan tersebut membangunkan peradaban mereka berbeza dengan yang induknya di Tanah Sunda.

# bahasa

## orang Melayu

# BAHASA ORANG MELAYU

## BAHASA SANSKRIT

- **Dalam berbahasa perhubungan, Orang Melayu dikatakan telah meminjam Bahasa Sankrit yang dikatakan berasal dari India.**
- **Orang Melayu dikatakan meminjam bahasa Sanskrit sebanyak 70 %, dan selebihnya adalah bahasa Arab, Parsi, Mandarin dan Tamil,**
- ***The Malay language is almost completely derived from Sanskrit, and the early litriture is predominantly based on the Ramayana and the Mahabratha. Even today, a major portion of Malay vocabulary is made up of Sanskrit words. Today, when a Malay speaks a sentence of ten words, probably five to seven of them will be Sanskrit word the remaining either of Arabic, Tamil, Hindi, English, Chinese, Persian or of some other origin.***

*(Doug Cooper at CRCL)*

# BAHASA ORANG MELAYU

## BAHASA SANSKRIT

- **Sehingga kini tiada siapa yang mencadangkan usul atau penutur asal bahasa Sanskrit tersebut, namun ada yang mencadangkan bahasa tersebut berasal dari India, mungkin berikutan dari Kitab Weda yang dibawa oleh kaum Aryan semasa membangunkan Peradaban Indus pada tahun 2500 SM adalah berbahasa Sanskrit dan orang Aryan juga dikatakan berbahasa Sanskrit.**

  (Cristian Violatti, 2013).

- **Kaum Aryan dikatakan berhijrah dari Asia Tengah iaitu sebangsa dengan Orang Parsi.**

# BAHASA ORANG MELAYU

## BAHASA SANSKRIT

- Menurut Anthony (2007), Sir William Jones mengatakan bahasa Sanskrit merupakan bahasa yang sangat istimewa dan lebih sempurna berbanding bahasa Greek, lebih bercambah berbanding dengan bahasa Latin dan bahasanya sangat indah berbanding dengan bahasa-bahasa lain serta mempunyai daya tarikn yang kuat antara kata kerja (*verb*) dasar dan bentukan nahu. Sudah pasti ianya telah dihasilkan bukan secara kebetulan tetapi dengan kesungguhan yang tinggi sehingga pakar bahasa sukar untuk membuat penilaian. Berkemungkinan bahasa Parsi kuno adalah dari keluarga bahasa Sanskrit ini.

# BAHASA ORANG MELAYU

## BAHASA SANSKRIT




**100% Proof Rig Veda is Not Hindus Scriptures And Sanskrit is Not Hindus Language.**

*(You Tube.flv , www.**youtube**.com/watch?v=6UDwSWxKcwk* Apr 5, 2012 - Uploaded by Satyamev Satya Dev)

**First of all let us recognize the beauty of Tamil. And let us recognize that Tamil is the only major language of India (other than English) which didn't evolve from Sanskrit..**

**Even more solid proof is in Rig Veda. Rig Veda is the holiest of all holy Hindu books. It is considered to be the oldest book. Every Hindi holy book defers to Rig Veda as the ultimate authority.**

*( Jaanbaz12 )*

# BAHASA ORANG MELAYU

## BAHASA SANSKRIT

- Bahasa Sanskrit dikatakan bahasa tertua dan kini telah semakin pupus di India. Kini hanya lebih kurang antara 400 – 500 orang sahaja yang boleh berbahasa Sanskrit untuk tujuan mantera.
- Namun begitu sehingga kini lebih kurang 400 juta orang di Alam Melayu masih menuturkan bahasa Sanskrit.
- Oleh sebab Orang Melayu adalah ‘ibu segala bangsa’, maka dicadangkan bahawa bahasa Arab, Parsi, Tamil, Hindi, Mandrin dan sebagainya adalah pinjaman dari bahasa Orang Melayu iaitu Sanskrit dan bukan sebaliknya.

# BAHASA ORANG MELAYU

## BAHASA SANSKRIT

- Melalui bukti dari luar sebagaimana yang telah dicatatkan oleh I-Ching, beliau telah belajar bahasa Sanskrit ketika mengunjungi kedaerahan Sri Wijaya selama enam bulan dan ditambah lagi selama dua bulan di kedaerahan Mo-lo-yu (Jambi) seterusnya di Kedah dalam tahun 671 Masihi bagi tujuan untuk mempelajari bahasa Sanskrit.

- Ini adalah antara bukti bahawa I-Ching datang ke Alam Melayu untuk memahami bahasa kitab lama iaitu Weda yang berbahasa Sanskrit.

- Ini juga antara bukti bahawa masyarakat di Alam Melayu sememangnya menggunakan bahasa Sanskrit sebagai bahasa pertuturan, perhubungan dan bahasa dalam keagamaan.

# BAHASA ORANG MELAYU

## BAHASA SANSKRIT

- Kini bahasa Sanskrit telah di 'kuburkan' dan bahasa orang Melayu telah dinamakan semula dengan nama lain seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Indonesia, Bahasa Brunei, loghat Kelantan, loghat Kedah dan sebagainya.
- Kitab WEDA terawal dikatakan ditulis dalam bahasa Sanskrit sebelum di tulis dengan menggunakan tulisan dan bahasa lain setelah dibawa keluar dari Alam Melayu.

# BAHASA ORANG MELAYU





Adnan (kiri) dan Mastor pada **Wacana Peradaban Melayu** anjuran Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, UKM.

## Bentuk gunungan dalam budaya Melayu

» Penemuan piramid tertua di Pentas Sunda bukti kewujudan bangsa ini lebih awal

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Binaan berbentuk 'gunungan' atau piramid yang banyak dijumpai di Jawa, Sumatera dan Tanah Melayu tanpa disedari menjadi lambang kepada kewujudan orang Melayu di rantau ini sekian lama sehingga turut diaplikasi dalam bentuk makanan, busana dan seni bina bangunan.

Bentuk gunungan itu sehingga kini boleh dilihat antaranya menerusi makanan tradisional orang Melayu seperti nasi lemak, tudung saji, perhiasan tengkolok, mahkota, bumbung rumah kampung dan masjid, sekali gus mungkin jejak atau kesan yang ditinggalkan untuk generasi akan datang.

Hipotesis yang mengaitkan bentuk gunungan sebagai bukti kewujudan orang Melayu itu dikupas oleh Pensyarah Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mastor Surat pada Wacana Peradaban Melayu 2015 yang berlangsung di Kompleks Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh, UKM, Bangi baru-baru ini.

Katanya, gunungan atau piramid tertua yang dipercayai berusia lebih 10,000 tahun dijumpai 30 meter di dasar laut Pentas Sunda berkedudukan di selatan Pulau Okinawa, sekali gus mendahului usia piramid di Mesir iaitu sekitar 5,000 tahun.

Demonstrasi silat cekak oleh PSSCMUKM.

### Pembina kota, piramid

"Jika mengikut definisi dalam bahasa Sanskrit, Malaya membawa maksud gunung, manakala dalam bahasa Tamil ia disebut 'malai' atau gunung dan 'nur' (kota).

"Pada pandangan saya, istilah Melayu mungkin bermaksud orang yang membina kota gunungan, meru atau piramid.

"Orang Melayu terus melestarikan bentuk gunungan ini ke dalam aspek kehidupan harian dan diangkat sebagai satu budaya," katanya pada seminar anjuran Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), UKM itu.

Tambahnya, hipotesis itu diperkukuhkan lagi dengan bukti binaan bentuk gunungan seperti struktur rumah Melayu dan seni bina masjid antaranya Masjid Kampung Tuan di Kemaman Terengganu yang dipercayai terbina pada dekad ke-18 dan Masjid Kampung Keling, Melaka pada dekad ke-19.

### Bahasa Sanskrit milik Melayu

Selain itu, Mastor tidak bersetuju dengan tanggapan yang mengaitkan orang Melayu sebagai peminjam bahasa Sanskrit, sebaliknya melihat bahasa itu sememangnya milik bangsa Melayu.

"Banyak pandangan yang mengatakan orang Melayu meminjam bahasa Sanskrit sehingga menganggarkannya merangkumi 70 peratus daripada bahasa Melayu, manakala baki 30 peratus pula diambil daripada campuran bahasa Arab, Parsi, Mandarin dan Tamil.

"Sekiranya orang Melayu sudah menggunakan 70 peratus, maknanya kitalah pemilik bahasa Sanskrit kerana orang India sendiri yang dikatakan pemilik asal bahasa itu hanya menggunakannya bagi tujuan mantera.

"Malangnya, tidak ada sejarawan yang menegaskan hal ini sedangkan penemuan tulisan rencong di Hub of Chamber, iaitu piramid di Pentas Sunda membuktikan ia sekian lama digunakan oleh orang Melayu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kampus (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Adnan Omar pula mengupas falsafah di sebalik seni silat cekak yang sebenarnya sarat falsafah terutama dalam mendidik masyarakat mengamalkan adab dan nilai murni dalam kehidupan seharian.

"Mereka yang belajar seni silat cekak bukan hanya dibekalkan dengan ilmu mempertahankan diri, bahkan turut diajar mengenai tatacara, adab dan pantang-larang yang menjadi simbolik kepada peradaban orang Melayu.

### Silat cekak, simbol peradaban

"Umpamanya, ahli silat cekak lelaki digalakkan memakai baju Melayu siap bersongkok kerana ia adalah pemakaian lengkap orang Melayu, bukan seperti trend anak muda kini yang tidak betah lagi mengenakan songkok," katanya.

Beliau turut menegur sebahagian anak muda yang menganggap canggung terhadap pemakaian baju Melayu, meski pun ia menjadi baju kebangsaan sehingga ada yang tidak lagi mahu mengenakannya pada perayaan seperti Aidilfitri.

"Ia mencerminkan keruntuhan jati diri dalam masyarakat kita dan perlu ditangani sebelum menjadi parah," katanya pada program yang turut dihadiri oleh Presiden PSSCM, Datuk Maideen Kadir Shah.

Tambahnya, keistimewaan seni silat cekak yang tidak ada pada jenis silat yang lain ialah peranannya dalam membudayakan pantun tradisi Melayu dipanggil Pantun Cekak yang mengandungi nilai murni dan pengajaran antaranya kepentingan menuntut ilmu dan mentaati guru.

Antara peserta **Wacana Peradaban Melayu** di Kompleks Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh, UKM, Bangi, baru-baru ini.

(FOTO MUNIRA ABDUL GHANI / BH)

# fitnah agama

## orang Melayu

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU







## Jenis Amalan Beragama Orang-Orang Melayu Sebelum Islam.

**Pada dasarnya amalan beragama orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam bolehlah dibahagikan kepada tiga kepercayaan yang besar iaitu :-**

**Orang-orang Melayu yang beragama Buddha - Puja Dewa**

**Orang-orang Melayu yang beragama Hindu - Puja Dewi**

**Orang-orang Melayu yang berpegang dan beramal dengan amalan orang-orang Asli. (Animisme )**

(Hamba Perjuangan, https://www.blogger.com/profile/01745796983875221006)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- **Pada ketika ini dikatakan masyarakat Melayu mempunyai sistem kepercayaan primitif iaitu animisme dan dinamisme: yang mempercayai bahawa setiap benda ada jiwa, roh atau semangat yang mempunyai perwatakan sendiri, sama ada dapat membawa kesan baik atau buruk.**

- **Roh nenek moyang yang dinamakan "hyang" (seerti "poyang"/ "moyang") dipercayai masih berada di kalangan mereka dan mempunyai tenaga yang kuat yang boleh mempengaruhi mereka. Oleh itu ia perlu ditenangkan melalui upacara pemujaan dan penyembahan.**

- **Pawang, Bomoh dan Dalang merupakan peribadi perantara yang boleh menghubungi "hyang" melalui pembacaan jampi, serapah, penyajian dan sebagainya.**

- (http://www.oocities.org/tamadunislam/alam_melayu_sebelum_islam.htm)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.







**Animisme bermaksud satu kepercayaan bahawa setiap benda memepunyai jiwa atau roh dan mempunyai keperibadiaan sendiri (*Abdul Rahman Haji Abdullah,1990:1*).**

**Teori Dinamisme mempercayai bahawa jiwa bukan sahaja berada di mana-mana tetapi juga mempunyai tenaga atau kekuatan yang dapat memberikan kesan baik ataupun buruk. Dinamisme boleh dibandingkan dengan konsep semangat di kalangan orang Melayu. Kedua-duanya merupakan kepercayaan primitif di Alam Melayu.**

(http://www.oocities.org/tamadunislam/alam_melayu_sebelum_islam.htm)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- Kepercayaan terhadap jiwa, roh atau semangat amat memepengaruhi kehidupan manusia. Kepercayaan ini dapat dikesan melalui mitos, lagenda dan *memorates* (*Abdul Rahman Haji Abdullah,1990:3*). Mitos ialah cerita mengenai dewa-dewi dan makhluk luar biasa yang menjadi asas kepercayaan dan sistem agama

- (http://www.oocities.org/tamadunislam/alam_melayu_sebelum_islam.htm)





# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU



## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

Anutan tertua masyarakat Melayu ialah Animisme. Animisme ialah kepercayaan kepada makhluk-makhluk, objek-objek ataupun roh (spiritual beings). Di Nusantara kepercayaan animisme ini juga wujud dalam bentuk kepercayaan kepada ‘penunggu’ atau ‘puaka’ yang menghunu sesuatu tempat.



Hinduisme ialah bentuk kepercayaan yang datang dari pengaruh India ke Alam Melayu. Kerajaan-kerajaan seperti Majapahit, Srivijaya dan lain-lain adalah kerajaan-kerajaan yang mendokong fahaman hinduisme. Selepas kedatangan pengaruh hindu, muncullah fahaman ‘sinkretisme’ iaitu percampuran antara agama Hindu-Buddha dengan unsur-unsur kepercayaan peribumi.



(Ustaz Abd Aziz bin Harjin, Pensyarah UiTM Perlis, Malaysia. – Konsep Tamadun Islam http://ctu551.blogspot.my/2008/04/kepercayaan-masyarakat-melayu-sebelum.html)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU







## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

**Sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu, pengaruh Hindu dan Budha lebih berpengaruh dalam masyarakat Melayu. Hindu lebih berpengaruh berbanding daripada Budha di Alam Melayu. Kepercayaan Hindu yang mempercayai Dewa-dewa yang mengtadbir alam dan tiga dewa utama dalam kepercayaan Hindu iaitu Dewa Brahma (pencipta), Dewa Vishnu( pelindung) dan Dewa Siva (pembinasa). Kewujudan Candi-candi di beberapa kerajaan awal seperti Candi Borobudor (Srivijaya), Candi Angkor Wat (Funan), Candi Lembah Bujang (Kedah Tua) dan lain-lain mengambarkan pengamalan sepenuhnya kepercayaan Hindu dan Budha di Alam Melayu.**

(Mohd Supian Sabtu. *Arkeologi dan Kesenian di Lembah Bujang* : Data pahatan batuan pada struktur percandian. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006. Hlm 1.)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.







**Kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat awalnya berbentuk animisme.**

**Ia kemudiannya berkembang dengan meluas kepada kepercayaan agama Hindu dan Buddha. Pengaruh agama Hindu dikatakan tersebar sejak abad ke 6 lagi yang dibawa oleh pedagang India. Penyebaran agama ini berkembang pesat apabila kedatangan golongan Brahmin dan penerimaan agama ini oleh golongan pemerintah.**

**Bagaimanapun kepercayaan ini mula merosot apabila Islam tersebar meluas di kalangan masyarakat Melayu.**

(Sejarah Malaysia – STPM http://sejarahmalaysiastpm.blogspot.my/2009/05/kepercayaan-dan-agama-masyarakat-melayu.html)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.







Menurut E. B Taylor, kepercayaan kepada makhluk halus dan ruh merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula tumbuh dalam alam pemikiran manusia primitif. Kepercayaan animisme merupakan satu bentuk culturals universals yang wujud di kalangan suku-suku primitif.

Menurut catatan Fa-hsien, penduduk Jawa Barat menyembah berhala dan menganut agama hindu dari aliran Brahmaisme, Saivaisme dan Visyanisme

Kira-kira tahun 420 masihi seorang raja dari Kashmir, India bernama Gunaarman telah mengunjung Alam Melayu untuk menyebarkan agama Budha.

(Ustaz Abd Aziz bin Harjin, Pensyarah UiTM Perlis, Malaysia. – Konsep Tamadun Islam http://ctu551.blogspot.my/2008/04/kepercayaan-masyarakat-melayu-sebelum.html)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.



**Sejak Van Erp (1817) mengatakan bahawa Borobudur adalah Candi Buddha, sampai sekarang pernyataan itu dianggap sebagai kebenaran.**

**Jika ucapan Van Erp itu salah, umat manusia seluruhnya pasti dirugikan.**

(KH Fahmi Basya Hamdi, 2012, Borobudur & Peninggalan Nabi Sulaiman, Zaytuna PT Ufuk Publishing House, Jakarta)



# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU



## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

**Van Leur menyatakan masyarakat Melayu-Indonesia itu bukanlah sebagai masyarakat Hindu kerana ia dianuti dengan bersungguh-sungguh oleh golongan bangsawannya sahaja. Sedangkan falsafah Hindu yang sebenar tidak juga difahami oleh mereka. Ajaran yang mereka pegang adalah dalam bentuk pandangan hidup yang berteraskan kesenian serta upacara-upacara ritual demi untuk memperkukuhkan kedudukan golongan raja-raja dan bangsawan dalam masyarakatnya. Ia bukanlah satu ajaran yang berteraskan falsafah dan logik akal fikiran serta tidak mampu merubah pandangan hidup masyarakat di Alam Melayu itu sendiri.**

(Ustaz Abd Aziz bin Harjin, Pensyarah UiTM Perlis, Malaysia. – Konsep Tamadun Islam http://ctu551.blogspot.my/2008/04/kepercayaan-masyarakat-melayu-sebelum.html)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- **Prof S. M. Naquib berpendapat pengaruh Hindu dan Buddha semata diamalkan oleh suatu lapisan tipis struktur masyarakat sahaja. Ia merupakan agama yang dipertahankan oleh golongan istana serta golongan bangsawan sedangkan rakyat biasa mengambil sikap tidak ambil peduli terhadap ajaran-ajaran tersebut.**

- (Ustaz Abd Aziz bin Harjin, Pensyarah UiTM Perlis, Malaysia. – Konsep Tamadun Islam http://ctu551.blogspot.my/2008/04/kepercayaan-masyarakat-melayu-sebelum.html)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- **Kedatangan agama Hindu dan Buddha ke alam Melayu, menjadikan upacara agama menjadi lebih formal dan tersusun. Namun pengaruh itu tidak benar-benar melibatkan keseluruhan ajaran yang terdapat dalam falsafah Hindu-Buddha asli.**

  **Yang dipentingkan hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan selok-belok upacara agama. Di samping itu, ajaran Hindu-Buddha ini juga membesar-besarkan keagongan dewa-dewa dan ini telah mempengaruhi kepercayaan masyarakat Melayu.**

- (http://www.oocities.org/tamadunislam/alam_melayu_sebelum_islam.htm)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

Pandangan semesta yang dipengaruhi oleh agama baru ini juga dapat dikesan melalui karya-karya Melayu tradisional yang bercorak mitos dan lagenda

Ini dipengaruhi daripada ajaran kitab-kitab suci agama Hindu seperti Mahabrata, Bhagavad Sita dan Baratayudha. Aspek-aspek yang dipentingkan ialah kesenian, keindahan, keromantisan, kesedihan, keagongan dan ketakjuban. Aspek-aspek falsafah dan penghujahan yang rasional tidak ditekankan. Ini telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu khususnya golongan bangsawan.

(http://www.oocities.org/tamadunislam/alam_melayu_sebelum_islam.htm)

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

**Ramai orang menganggap bahawa agama orang Melayu sebelum Islam adalah Hindu-Buddha walaupun sehingga kini tiada sebarang bukti kukuh yang mengatakan tentang bagaimana ajaran Hindu-Buddha tersebut diberikan atau disampaikan kepada orang Melayu**

(Adrian B. Lapian, 1996).

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- **I-Ching juga melaporkan bahawa pendita Buddha yang berada di Sriwijaya sekitar abad ke 7 M tidak menyebarkan ajaran Buddha kepada masyarakat tempatan melainkan sibuk membaca kitab dan untuk mendapat ketenangan selain berusaha untuk mendapat perlindungan politik dengan mengajarkannya kepada para pemimpin tempatan**

  (Ahmad Jelani Halimi, 2008).

- **Berkemungkinan para pendita Buddha tersebut membaca atau menyemak Kitab Weda asli yang masih ada di Sriwijaya di ketika itu dan tidak bermakna juga para pemimpin tempatan menganut kepercayaan Buddha.**

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.







Menurut Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (2010) sehingga kini masih belum jelas mengenai maklumat tentang berhala yang orang Melayu puja sekiranya mereka mengamaklan kepercayaan Hindu-Buddha serta maklumat mengenai penyebaran kepercayaan tersebut kepada orang Melayu.



# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah diperkatakan, bolehlah dirungkaikan bahawa, bangsa Melayu yang sebenarnya tidak menganut agama Hindu-Buddha sebagaimana amalan masyarakat di India kerana ketiadaan bukti berhala yang mereka puja serta tiada kuil bagi menempatkan berhala pemujaan.

- Tambahan pula amalan orang Melayu yang dikatakan menyamai amalan orang di India hanyalah yang berkaitan dengan budaya iaitu kesenian, keindahan, keromantisan, kesedihan, keagongan dan ketakjuban dan tidak melibatkan falsafah dan perlakuan pemujaan serta penghujahan rasional. Oleh itu fitnah yang mengatakan orang Melayu menganut agama Hindu-Buddha kerana disebabkan amalan budayanya sama dengan orang di India adalah tidak wajar dinyatakan.

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- **Menurut K.R. Hall (1985), sehingga abad ke 11 Masihi, tidak banyak kapal-kapal China yang belayar di Alam Melayu melainkan mereka menumpang kapal-kapal Melayu untuk tujuan perdagangan atau lawatan**

  (Ahmad Jelani Halimi, 2015).

- **Ini memberi gambaran bahawa orang India dan China tidak berupaya untuk menyebarkan ajaran Hindu-Buddha kepada orang Melayu sebaliknya orang Melayu berkemungkinan besar berupaya menyebarkan ajaran agama ke luar kedaerahan Alam Melayu sebagaimana yang telah dilakukan oleh kaum Aryan ke Lembah Indus dan Sayabiga ke sekitar Teluk Parsi dan bahagian selatan Semenanjung Arab dalam menyebarkan ajaran Weda dengan kitab suci yang berbahasa Sanskrit.**

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

Kebolehan bangsa Melayu belayar dan meneroka alam di luar mandala Alam Melayu menunjukkan orang Melayulah yang telah mempengaruhi kehidupan masyarakat luar khususnya India dengan amalan budaya dan anutan agama mereka dan bukan sebaliknya.

Orang Melayu percaya akan kehadiran makhluk ghaib seperti bunian atau jin dan hantu serta keistimewaan seseorang yang diberikan taraf dewa (sekarang dipanggil wali). Orang Melayu juga berkebolehan untuk berhubungan dengan makhluk ghaib dan bersahabat dengan bunian malah menjadikan mereka khadam atau penjaga, malah orang Melayu tidak menjadikan bunian sebagai unsur pemujaan melainkan kaum-kaum lain yang turut mendiami Alam Melayu ini.

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

**Terdapat dikalangan orang Melayu yang bertawasul atau menggunakan perantara atau penghubung dalam memohon pertolongan kepada 'Balatentera Tuhan' yang suci seperti para Nabi, wali atau dewa, ketua agama dan sebagainya, agar hajatnya mudah sampai hadhirat Tuhan Yang Agung lagi Suci daripada gambaran hamba yang hina.**

Perintah Allah Ta'ala dalam Al-Quran:

"Wahai orang-orang yang beriman, taqwalah engkau kepada Allah dan carilah wasilah sebagai jalan yang mendekatkan dirimu kepadaNya dan bermujahadahlah (berjuanglah) pada jalanNya, supaya kamu mendapatkan keberuntungan".[2] (QS. Al-Maidah[5]:35).

# FITNAH AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- Oleh itu dicadangkan bahawa orang Melayu terdahulu tidak mengamalkan anamisme atau memuja bunian atau jin, roh atau dewa serta jembalang dan hantu sebagaimana yang didakwa oleh ramai sejarawan dan masyarakat umum.

- Berkemungkinan yang mengamalkan anamisme tersebut adalah suku kaum lain yang mendiami Alam Melayu seperti Polinesia, Austroasia , Auntronesia dan lain-lain dimana raut wajah mereka adalah seperti orang Melayu lalu disangkakan bahawa mereka adalah bangsa Melayu.

# agama
## orang Melayu sebelum Islam

# AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- **Menurut Gervaise, orang Makassar zaman dahulu menyembah dewa matahari dan bulan sewaktu terbit dan terbenamnya bulan dan matahari. Mereka tidak mempunyai rumah suci atau kuil, dan upacara sembahyang, khasnya korban-korban dijalankan di tempat terbuka**
(Gervaise, Macaçar : 150).

- **François Xavier menulis dari Melaka pada tahun 1545 : « Orang-orang itu [...] tidak mempunyai kuil (casa de idolos) dan tidak ada orang yang mendorong mereka pada paganisme. Mereka menyembah matahari waktu mereka melihatnya dan di daerah mereka tidak terdapat tahyul lain**
(Sà, Insulindia, I: 460-461).

(CHRISTIAN PELRAS, 2011, Sulawesi Selatan Sebelum Kedatangan Agama Islam Mengikut Sumber-Sumber Asing Terawal, esi Selatan Sebelum Kedatangan Agama Islam Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu 3:1 Disember (2011) 13 – 40 )

# AGAMA ORANG MELAYU

## Kepercayaan Masyarakat Melayu Sebelum Islam.

- **Couto menulis, mungkin dengan merujuk kepada sumber-sumber yang sama:**

**"Bangsa-bangsa ini tidak mempunyai kuil, tetapi mereka bersembahyang dengan mendongakkan kepala ke langit, tangan ke atas, dari sini kita dapat melihat bahawa mereka mengenal Tuhan yang sebenarnya ..."**

(Decadas : 86)

(CHRISTIAN PELRAS, 2011, Sulawesi Selatan Sebelum Kedatangan Agama Islam Mengikut Sumber-Sumber Asing Terawal, esi Selatan Sebelum Kedatangan Agama Islam Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu 3:1 Disember (2011) 13 – 40 )

# AGAMA ORANG MELAYU

## Apakah AGAMA Orang Melayu Sebelum ISLAM ?

**Firman Allah swt :**

**"Dan Kami tidak utuskan seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan hukum-hukum Allah kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang Dia kehendaki, dan menunjuki sesiapa yang Dia kehendakiNya; dan Dia lah Yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana."**

(al Quran, Ibrahim (14) : 4 )

# AGAMA ORANG MELAYU

## Apakah AGAMA Orang Melayu Sebelum ISLAM ?




Teori Penghijrahan Kaum Aryan yang membangunkan Peradaban di Lembah Indus

**Catatan peristiwa keagamaan di India.**

- **Antara 2500 – 1500 SM Bangsa Aryan telah mengembangkan ajaran Weda ke Lembah Indus. Zaman tersebut dinamakan Zaman Weda.**
- **Sekitar 1500 SM lahirnya kumpulan dari Kasta Brahma yang mengembangkan ajaran agama yang banyak mengkorbankan manusia sebagai unsur penyembahan. Zaman tersebut dinamakan Zaman Brahmana.**
- **Sekitar 300 SM masyarakat India telah kecewa dengan ajaran Brahma dan menubuhkan ajaran Hindu, Buddha dan Jaina. Ajaran Hindu dan Buddha menyembah banyak Tuhan dan menjadikan arca suci sebagai perantaraan, sementara ajaran Jaina tidak menyembah Tuhan.**

# AGAMA ORANG MELAYU




Sumber :

Wikipedia,
Aryan

Peta Asia Tengah menunjukkan taburan penduduk yang mempunyai haplogroup L-M20. Berdasarkan gambaran tersebut, taburan yang paling padat yang paling ramai adalah di Lembah Indus dimana mula bertapaknya kaum Aryan serta di Selatan India yang menjadi pelabuhan laluan perkapalan dan di Himalaya yang masih mengekalkan perkataan 'Malaya". Menurut Stephen Oppenheimer (2012) haplogroup DNA sedemikian adalah sama seperti dengan masyarakat di Asia Tenggara bagi menyatakan berkemungkinan masyarakat tersebut khususnya kaum Aryan mempunyai pertalian salasilah dengan masyarakat di Asia Tenggara.

# AGAMA ORANG MELAYU



## SANG HYANG WIDHI

- Sang Hyang Widhi bermaksud 'Dia Yang Tunggal'.
- Sehingga kini Sang Hyang Whidi adalah Tuhan yang disembah oleh Orang Bali.
- Sang Hyang Whidi tidak digambarkan dengan arca dalam chandi di Bali
- Orang Bali mempercayai bahawa kitab Weda adalah kitab wahyu yang diturunkan oleh Sang Hyang Widhi.





# AGAMA ORANG MELAYU

## KITAB WEDA

- **Oleh sebab kitab WEDA terawal ditulis dalam bahasa Sanskrit, diandaikan bahawa kitab WEDA tersebut adalah kitab orang Melayu.**
- **Terdapat bab dalam kitab WEDA menyamai kandungan Surah al Ikhlas mengenai Allah swt.**
(Zakir Abdul Karim Naik)
- **Perihal Nabi Muhammad saw banyak dinyatakan di dalam kandungan kitab WEDA sebagaimana dalam kitab Taurat dan Injil .**
(Zakir Abdul Karim Naik)
- **Kandungan kitab WEDA juga terdapat pencegahan minum arak, zina dan perkara buruk yang lain.**
(Zakir Abdul Karim Naik)
- **Di dalam al Quran terdapat lebih kurang 1,600 patah perkataan Sanskrit dan lebih kurang 1,700 patah perkataan Arab.**
(Rusdi Alias, 2013)

# AGAMA ORANG MELAYU







- **Sebagaimana yang diketahui umum, Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad saw telah muncul semenjak lebih 1300 tahun dahulu dan dikatakan orang Melayu mula menganut Islam hanya semenjak 1000 tahun dahulu.**
- **Tempoh ketamadunan orang Melayu agak lama berbanding dengan kemunculan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.**
- **Kerajaan Islam yang terawal diketahui telah berlaku di Perlak sejak tahun 840 M (225 Hijrah) yang diketuai oleh sultannya bernama Syed Maulana Abdul Aziz Shah yang bergelar Sultan Alauddin Syed Maulana Abdul Aziz Shah.**

(Wan Hussein Azmi, Islam di Malaysia : Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20M), dalam Tamadun Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 137)

# AGAMA ORANG MELAYU

- Maka persoalan tentang kepercayaan atau pegangan hidup orang Melayu terdahulu perlu diwacanakan kerana pembangunan peradaban dan senibina adalah berkait rapat dengan amalan kehidupan dan kepercayaan selain keadaan setempat.
- Orang Melayu telah mengamalkan ajaran tauhid sebelum munculnya syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw. Oleh itu dicadangkan bahawa segala amalan, adat, budaya dan peradaban yang dibangunkan oleh Orang Melayu adalah berasaskan kepada mentauhidkan Allah swt.
- Perihal kehidupan yang sedemikian telah menjadi identiti kepada orang Melayu untuk mudah dikenali.

# AGAMA ORANG MELAYU







Jika anda tertanya2 Malaysia mengadap di sudut manakah di Baitullah.. MasyaAllah, ianya betul2 di sudut Hajarul Aswad dan Multazam.....sudut di mana doa amat mustajab.

# peradaban

## bangsa Melayu

# PERADABAN MELAYU

- **The civilization of Sunda Land's people has started since 6,000 years ago**
  (Oppenheimer, 1999, Eden The East)

**Namun begitu, berdasarkan kepada jumpaan binaan gunungan di Pentas Sunda, berkemungkinan besar peradaban orang Melayu telah bermula semenjak 10.000 tahun dahulu.**















# PERADABAN MELAYU

- Ibn Khaldun (14M) menggunakan perkataan **'umran'** sebagai merujuk kepada 'tamadun' yang kita fahami sekarang.

- Dalam bahasa Inggeris tamadun disebut ***civilization*** yang diambil dari bahasa Latin *civitas* bererti 'bandar'.

- Dalam bahasa Melayu, sekurang-kurangnya dua istilah masyhur yang digunakan iaitu 'tamadun' dan **'peradaban'**

# PERADABAN MELAYU

- Tamadun adalah istilah bahasa Arab berasal daripada perkataan **maddana dan madana** yang bermaksud **membangunkan kawasan (jasad & kebendaan) dan akhlak (kerohanian).**
- Ia berkaitan dengan perkataan **madinah (bandar), mudun (bandar-bandar) dan modern**
- Dikatakan juga bahawa istilah tamadun berasal daripada perkataan **al-din**
- Kurun kedua puluh muncul perkataan **madaniyyat** yang diperkenalkan oleh Farid Wajdi (al-Madaniyyat wa al-Islam) 1899 dan SyaikhMuhammad Abduh (al-Islam wa al-Nasraniyyat Ma'a al-'Ilm wa al-Madaniyyat).
- Kemudian muncul pula perkataan **tamadun** yang diperkenalkan oleh Jurji Zidan (Tarikh al-Tamaddun al-Islami).

# PERADABAN MELAYU

Peradaban berasal dari perkataan 'adab' yang berarti akhlak atau kesopanan dan kehalusan budi pekerti.

Manusia yang beradab adalah manusia yang memiliki kesopanan dan berbudi pekerti.

Peradaban adalah memiliki berbagai arti dalam kaitannya dengan masyarakat manusia. Seringkali istilah ini digunakan untuk merujuk pada suatu masyarakat yang "rencam", dicirikan oleh amalan dalam pertanian, hasil karya dan pemukiman,

Peradaban diistilahkankan sebagai keseluruhan kerencaman pemikiran kelompok manusia yang mementingkan negara, ras, suku dan agama membezakannya dari yang

Oleh kerana Peradaban Orang Melayu didasarkan kepada Islam (tauhid) maka ia berbeza dengan peradaban yang lain.

# PERADABAN ORANG MELAYU

## UNESCO :

*"The **Foundation of Malay Culture,** as used here, is a convenient term to the early generalized culture of the geographical **area in South East Asia and Madagascar inhabited by peoples speaking closely related languages** and who stress the unity of region as well as its links with other cultures in Asia and Oceania……..."*











# PERADABAN ORANG MELAYU

Peradaban Etnik Nusantara atau Alam Melayu tumbuh dan berkembang di suatu rantau alam yang cukup luas berpusat di **Asia Tenggara, melebarkan pengaruhnya sehingga ke pantai Afrika dan Malagasi di bahagian barat, bertebaran ke utara sehingga ke Taiwan, Jepun dan ke timur ke serata kepulauan Pasifik**.

Alam Melayu ditandai oleh sifat kebenuan yang berciri lautan dan kepulauan, berbanding dengan benua besar lain yang bersifat kedaratan.

(A. Aziz Deraman)

# PERADABAN MELAYU




- **Alam Melayu yang dahulunya dikenali sebagai 'Lemuria' dan ada yang memanggilnya sebagai Bumi Sunda *(Sunda Land)* dikatakan telah melalui tempoh ketamadunan yang sangat lama iaitu lebih awal dari yang telah berlaku di Mesir kuno, Cina, India, dan Eropah.**

**Orang Melayu pula telah dikatakan sebagai *'mother of all races'* kerana memiliki salasilah genetik atau pemetaan mtDNA paling lama iaitu sehingga lebih 200,000 tahun**

**Oleh itu sudah semestinya orang Melayu telah lama membangunkan pemikiran atau falsafah kehidupan bagi mewarnai peradaban dalam kehidupan mereka**



# PERADABAN ORANG MELAYU

- Budaya orang Melayu adalah berasaskan kepada adat. Adat adalah peraturan kehidupan yang telah dilakukan turun temurun.

- Sebelum kehadiran Syariat Islam, orang Melayu telah mengamalkan adat yang berlandaskan kepada mentauhidkan Allah swt. Setelah kehadiran Islam orang Melayu berpegang kepada syariat Islam di mana hati adalah penentu kepada nilai kehidupan dan perlakuan masyarakatnya.

- Oleh itu budaya bagi orang Melayu merupakan suatu cara hidup yang lahir dan menjelma daripada keimanan dan ketakwaan dan di luar daripada ini bukanlah kebudayaan Melayu.

- Dengan sebab itulah budaya orang Melayu tersangat berbeza dengan budaya kaum-kaum lain di Alam Melayu ini.

# PERADABAN ORANG MELAYU

- Oleh sebab budaya berperanan dalam mencorakkan pakaian, senibina dan sebagainya, maka kita dapat lihat tentang bagaimana budaya Melayu telah membentuk pakaian, senibina serta khazanah warisan Melayu yang sangat bitara dan berbeza dengan khazanah budaya yang dibangunkan oleh orang-orang lain di dunia ini.

- Budaya adalah suatu yang 'hidup' atau bergerak dengan cergas *(dynamics)*. Oleh itu unsur budaya yang dibangunkan juga perlu kepada sifat bergerak dengan cergas bagi menampilkan jatidiri budaya orang yang berdaya maju.

- Jati diri sesuatu budaya bangsa secara fitrahnya diterampilkan secara ketara dalam rekaan unsur budaya termasuklah rekabentuk senibina, prasarana dan rupabentuk perbandaran. Kesesuaian *(harmony)* budaya dalam rekaan unsur budaya, rekabentuk senibina dan alam bina menyumbang kepada kehebatan peradaban yang dipacu oleh kemakmuran ekonomi dan ketinggian tahap pemikiran.

# PERADABAN ORANG MELAYU

- Sehingga kini orang Melayu masih terus membangunkan peradaban mereka yang boleh diperhatikan melalui penulisan, pertanian, makanan, pakaian, persenjataan dan binaan rumah mereka yang telah dibangunkan dengan cara tersendiri dan cukup bitara bagi menyerlahkan kehadiran mereka di muka bumi ini dalam tempoh yang amat lama.

# senibina

## warisan Melayu

SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

WACANA MANUSKRIP MELAYU 2018

# GAYA DAN PERWATAKAN RUMAH WARISAN MELAYU



SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

WACANA MANUSKRIP MELAYU 2018

# GAYA DAN PERWATAKAN ISTANA WARISAN MELAYU



ISTANA SATU - TERENGGANU



ISTANA SEMENTARA – BUKIT CANDAN



ISTANA SRI MENANTI – NEGERI SEMBILAN



ISTANO SILINDUANG BULAN – SUMATERA BARAT

# GAYA DAN PERWATAKAN ISTANA WARISAN MELAYU



KRATON KESEPUHAN – CREBON



ISTANA - KALIMANTAN TENGAH



ISTANA GOA - SULAWESI



KRATON YOGYAKARTA – JAWA TENGAH

SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

WACANA MANUSKRIP MELAYU 2018

# GAYA DAN PERWATAKAN MASJID WARISAN MELAYU



# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU









**GAGASAN RUANG ASAS RUMAH WARISAN MELAYU - beranjung**

# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## PERANAN ASAS MODULE/ RUANG DALAMAN RUMAH WARISAN MELAYU

**SERAMBI**

Tangga masuk untuk menerima tetamu lelaki.

**ANJUNG**

Ruang untuk menerima tetamu lelaki.

Ruang tidur anak lelaki & tetamu lelaki.
Kenduri doa selamat.

**RUMAH IBU**

Untuk menerima tetamu kehormat.
Ruang tidur anak perempuan & tetamu perempuan.
Kenduri doa selamat.
Untuk orang sakit / jenazah.

**BILIK**

Bilik pengantin.
Penyimpanan barang berharga

**SELANG**

Tangga masuk untuk menerima tetamu perempuan.
Ruang untuk penjemuran.
Permainan anak-anak.

**RUMAH DAPUR**

Tempat tidur ibu & bapa.
Ruang memasak.
Ruang makan.
Ruang istirehat keluarga





# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## Use of Interior Space in the Traditional Malay House

Diagram shows some common activities in the Malay house. Spaces in the Malay house are multifunctional. The use of space changes at different times of the day and year. There are minimal partitions or interior walls in the house, allowing for the flexible use of space and for good ventilation and lighting of the interiors. Minimal furniture is used and most activities are done on the floor.




**PERANAN ASAS MODULE/ RUANG DALAMAN RUMAH WARISAN MELAYU**

Sumber : Lim Jee Yuan (1987)

# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU







## SATU PENJELASAN TENTANG KEHIDUPAN ORANG MELAYU TERDAHULU

Gabungan antara corak kehidupan dan kehendak ajaran Islam telah membentuk suatu 'simbiosis' dan menjadikannya unsur utama dalam perancangan rumah warisan Melayu.

Dalam perancangan rumah warisan Melayu, kaedah ruang terbuka adalah lebih diutamakan.

Selain untuk memudahkan pekerjaan di atas lantai, ruang terbuka juga memberikan penyelesaian yang tepat bagi menggalakkan pengudaraan semulajadi, di dalam rumah.

# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## SATU PENJELASAN TENTANG KEHIDUPAN ORANG MELAYU TERDAHULU



Orang Melayu yang lebih selesa menjalankan tugas seharian secara duduk di atas lantai telah membuatkan keseluruhan ruang rumah boleh digunakan dengan pelbagai kegiatan yang berkaitan dan merupakan kaedah penggunaan ruang yang paling ekonomi.



Dalam sehari dan pada ruang yang sama pelbagai kegiatan boleh dilakukan seperti melayan tetamu, menjamu selera, ruang belajar al quran, melelapkan mata sekejap di siang hari, sebagai tempat tidur di malam hari malah boleh digunakan untuk menunaikan ibadah seperti solat dan lain-lain



# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## SATU PENJELASAN TENTANG KEHIDUPAN ORANG MELAYU TERDAHULU



**Pembahagian ruang dengan pengadang adalah tidak diperlukan melainkan hanya satu bilik untuk kegunaan tertentu seperti untuk kegunaan pengantin baru, kegunaan tetamu, untuk menempatkan orang sakit dan meninggal dunia.**





# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## SATU PENJELASAN TENTANG KEHIDUPAN ORANG MELAYU TERDAHULU







Sebagaimana yang telah dinyatakan, ajaran agama Islam telah mempengaruhi bentuk dan tatatur ruang dalaman Rumah Melayu. Perkara utama yang dititikberatkan ialah melindungi kaum wanita dari dilihat oleh kaum lelaki yang bukan 'muhrim'.

# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU








## SATU PENJELASAN TENTANG KEHIDUPAN ORANG MELAYU TERDAHULU

Walaupun menggunakan kaedah pelan terbuka, pelbagai penghadang atau sempadan fizikal dan simbolik telah dperkenalkan.

Untuk tujuan tersebut, zon tetamu ditempatkan di bahagian hadapan sementara zon keluarga ditempatkan di bahagian belakang.

Walaubagaimanapun, pembahagian zon tersebut berlaku hanya ketika kehadiran tetamu.

Sekiranya ketiadaan tetamu, keseluruhan ruang dalam rumah kembali semula menjadi satu ruang pelbagai guna

Seperkara lagi yang sering dilakukan oleh orang Melayu ialah membentangkan tikar mengkuang ketika kehadiran tetamu sebagai tanda hormat.








# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## SATU PENJELASAN TENTANG KEHIDUPAN ORANG MELAYU TERDAHULU

**Zon tetamu lelaki terletak di bahagian hadapan ruang iaitu di serambi atau dalam modul atau unit tersendiri di zon tengah yang dipanggil Rumah Ibu. Zon belakang terletak di dalam modul tersendiri yang dinamakan Rumah Dapur, yang juga menempatkan tempat memasak. Terdapat juga dimana lantai ruang utama didalam Rumah Dapur ditinggikan sedikit bagi menandakan tempat duduk tetamu wanita.**

**Pintu pertama untuk ke Rumah Ibu merupakan tanda simbolik takat pergerakan untuk tetamu lelaki supaya tidak melebihi bendul pada pintu tersebut.**

# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## SATU PENJELASAN TENTANG KEHIDUPAN ORANG MELAYU TERDAHULU



Sekiranya ada majlis kenduri, tetamu lelaki akan memenuhi serambi dan jika perlu sehingga ke zon hadapan sahaja sementara tetamu perempuan akan memenuhi zon tengah.



Didalam majlis perkahwinan pula, tetamu perempuan akan memenuhi keseluruhan ruang dalam rumah sementara tetamu lelaki dilayan didalam bangsal sementara yang didirikan di luar rumah.

# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

**Kehidupan orang Melayu sangat berkait rapat dengan rumah kediaman.**

**Lazimnya orang Melayu terdahulu akan menanam sebatang pokok kayu di kawasan rumahnya bagi setiap kelahiran anaknya. Pokok kayu tersebut akan diwariskan kepada anaknya dan apabila pokok tersebut telah matang bolehlah ditebang untuk dijadikan rangka utama rumah kediaman anak-anak mereka.**

**Orang Melayu membina rumah mereka secara bermodul atau unit rumah sesebuah yang akan ditambah apabila ahli keluarga semakin ramai. Setiap unit rumah sesebuah tersebut akan diwariskan kepada anak-anak mereka setelah mereka berkahwin dan akan dipisahkan dari rumah induknya mengikut keperluan. Pemisahan unit rumah dilakukan samaada dengan membuka unsur binaannya atau mengusungnya secara bergotong royong.**

# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU

## TAMBAHAN MODULE/RUANG PADA RUMAH WARISAN MELAYU

Sumber : Lim Jee Yuan (1987)









# FALSAFAH SENIBINA WARISAN MELAYU




## TAMBAHAN MODULE/RUANG PADA RUMAH WARISAN MELAYU

The additional system in the traditional Malay house is not as ad hoc system of extension like those made to modern houses and other non-traditional house such as the spontaneous squater house.

The additional system is a highly developed and sophisticated system following certain principals that integrated and grow well with the core house.

(Lim Jee Yuan, 1987)














myMetro



sekadar
renungan













# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

**‘The traditional Malay house is a prefabricated housing system where most components are first made on the ground and later assembled on the site.’.**

Lim Jee Yuan (1987)

**‘These construction method facilities the dismantling of the house for removal to another place. Kampung folks would relocate the house, when village affairs required its removal to another place’.**

Wulf Killman (1994)



# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU



**'In the past, it was quite common for building to be taken apart and reassembled elsewhere when there was a need to shift the house to another locations'.**

Lim Jee Yuan (1987)



**'Metal nails were rarely used for construction, probably because metal was former times too costly. The joints are fixed with mortise and tenons, wooden dowels or pegs. The joints are also often secured with baji (wedge) which are tightened from time to time '.**

Wulf Killman (1994)



**'In the past, when nails were not used in the house, wooden dowels where used instead. Pin joints with wooden dowels were commonly used for house additions and extension'.**

Lim Jee Yuan (1987)

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU







**'The Traditional Malay houses are built up in a modular system. They always consist of the main house (Rumah Ibu) and the kitchen house (Rumah Dapur). The Rumah Ibu is equipped with a closed veranda (Serambi sama naik) running alongside its back'.**

Wulf Killman (1994)



# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## RUMAH PUTERI BONGSU UKM



Gambarfoto menunjukkan Rumah Tengku Bongsu yang telah siap dipasang semula di Taman Teknologi Melayu UKM dalam tahun 2007.

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## RUMAH PUTERI BONGSU UKM




Gambaran susunan modul Rumah Bujang yang mengandungi Rumah Dapur dan Rumah Ibu sebelum ditambah dengan ruang-ruang lain yang menjadi asas pembangunan Rumah Tengku Bongsu.

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## RUMAH PUTERI BONGSU UKM





Gambaran menunjukkan ruang legar yang mengelilingi modul Rumah Ibu, Rumah Tengah dan Rumah Balai yang bertindak sebagai laluan utama dalam kompleks Rumah Tengku Bongsu.




Susunan papan lantai berenggang lebihkurang satu inci lebar pada ruang Selang bagi menggalakkan pengudaraan silang disamping membenarkan air hujan dari bumbung dialirkan keluar.

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## RUMAH PUTERI BONGSU UKM




Rumah sesebuah (Modul rumah) isteri-isteri Tengku Zainal Abidin yang dibangunkan secara berasingan dengan bangunan rumah induk.

# KAJIAN KES
# RUMAH PUTERI BONGSU UKM




Rumah Dapur dan Rumah Tumbuk Padi

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## RUMAH PUTERI BONGSU UKM










Rumah Puan Saleha Binti Abdullah

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## RUMAH PUTERI BONGSU UKM




Modul bilik mandi dan tandas yang digunakan khusus untuk pemilik rumah.





Ruang mandian di dalam Rumah Ibu

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## RUMAH PUTERI BONGSU UKM




Gambaran Kompleks Rumah Tengku Bongsu semasa Tengku Sri Wangsa menjadi penguasa rumah tersebut dimana turut menempatkan tiga modul rumah tiga orang isteri beliau iaitu Nik Sarimah, Wan Mariam dan Tengku Aminah.

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## ISTANA TENGKU PUTERI



Gambar di sebelah kiri atas menunjukkan binaan Balai Penghadapan dengan binaan Anjung Masuk yang telah dibina oleh Tengku Sri Akar.

Sumber dari koleksi Abdul Halim Nasir.



Gambar di sebelah kiri bawah menunjukkan bumbung Anjung Masuk yang telah musnah sementara gambarfoto di sebelah kanan bawah kelihatan hanya binaan Balai Penghadapan dan Rumah Ibu (yang telah diubahsuai) yang masih tinggal semasa kerja-kerja kajian dan lukisan terukur dilakukan oleh para pelajar UTM dalam tahun 1980.

Sumber dari koleksi KALAM, UTM.



# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES ISTANA TENGKU PUTERI



Gambar model bangunan yang mengambarkan kompleks Istana Tengku Puteri semasa di zaman Tengku Putih menurut kajian ini.

SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU



# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## ISTANA TENGKU PUTERI




CLIENT :

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & WARISAN MALAYSIA (KeKKWa)

PROJECT MANAGER :

PAKARUNDING SDN. BHD. (UKMP)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

RESEARCH CONSULTANT :

*Ar. MASTOR SURAT*
WITH
SOLAR ENERGY RESEARCH INSTITUTE
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ISTANA TENGKU MARIAM KEMBANG PUTERI,1940an.
KOTA BHARU, KELANTAN

SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

WACANA MANUSKRIP MELAYU 2018

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES ISTANA TENGKU PUTERI




KERATAN C - C

ISTANA TENGKU MARIAM KEMBANG PUTERI,1940an.
KOTA BHARU, KELANTAN

CLIENT :
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & WARISAN MALAYSIA (KeKKWa)

PROJECT MANAGER :
UKM
PAKARUNDING SDN. BHD. (UKMP)

RESEARCH CONSULTANT :
Ar. MASTOR SURAT
WITH
SERI
Solar Energy Research Institute

SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

WACANA MANUSKRIP MELAYU 2018

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## ISTANA TENGKU PUTERI



# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES ISTANA TENGKU PUTERI






SENIBINA WARISAN MELAYU ;
ILHAM, FALSAFAH DAN DAYACIPTA
DARI SUDUT PERNASKAHAN DAN
KEARIFAN WATAN BANGSA MELAYU

WACANA MANUSKRIP MELAYU 2018

# KECIRIAN REKABENTUK SENIBINA WARISAN MELAYU

## KAJIAN KES
## ISTANA TENGKU PUTERI



# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU

## AMALAN & KEPERCAYAAN ORANG MELAYU LAMA

**Rumah warisan Melayu kebiasaannya di bangunkan dengan rangkakerja ramalan *(geomancy)* yang kompleks berserta dengan amalan kepercayaan *(ritual)*.**

**Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan keamanan dan kesejahteraan ( *harmony and tranquility* )**

# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU

## AMALAN & KEPERCAYAAN ORANG MELAYU LAMA

**Kebiasaannya urusan peramalan dan upacara amal *(ritual)* dilakukan dengan bantuan pawang atau bomoh.**

**Namun begitu, orang Melayu juga mempunyai rujukan utama dalam mendirikan rumah mereka iaitu melalui kitab :**

i. **Tajulmuluk &**
ii. **Buku Pawang**

# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU

## AMALAN & KEPERCAYAAN ORANG MELAYU LAMA

Walaupun terdapat persamaan arahan di antara Tajulmuluk dan Buku Pawang namun terdapat juga perbezaan dan percanggahan arahan diantara keduanya .

Ini mungkin kerana perbezaan tempat dan amalan yang telah memberikan pengertian yang berbeza.

Ataupun mungkin juga Tajulmuluk adalah dikhaskan untuk keluarga diraja sementara Buku Pawang untuk rakyat biasa.

# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU

## AMALAN & KEPERCAYAAN ORANG MELAYU LAMA

Sebahagian besar orang Melayu percaya bahawa terdapat hantu, jembalang, penunggu dan/atau syaitan pada setiap perkara dan tempat, terutamanya di dalam hutan dan pergunungan.

Mereka menghormati makhluk halus tersebut dan sentiasa berusaha untuk mengelakkan dari mendapat gangguan. Oleh itu mereka berbincang dan memberikan ganjaran tertentu kepada mereka supaya tidak diganggu.

# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU

## AMALAN & KEPERCAYAAN ORANG MELAYU LAMA



Upacara amal yang dilakukan semasa pemasangan semula Rumah Tengku Bongsu di Taman Pantun UKM. Upacara tersebut dilakukan bagi tujuan untuk menamatkan 'kontrak pengawal' rumah tersebut (yang telah dilantik sebelumnya) supaya keluar dari rumah tersebut dan tidak mengganggu pengunjung.

**Orang Melayu juga percaya bahawa makhluk halus tersebut suka mengganggu keheningan persekitaran dan sering memberikan kesukaran kepada kehidupan manusia.**

**Namun begitu, terdapat juga manusia yang bersahabat dengan mereka untuk kepentingan sendiri seperti untuk pertahanan dan perlindungan diri, untuk mencuri dan untuk menganiaya orang lain.**

**Orang Melayu percaya, makhluk halus tersebut tinggal di tempat-tempat tertentu yang pada zahirnya seperti pokok-pokok besar, batu besar ataupun sesuatu yang kelihatan luar biasa.**

# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU

## AMALAN & KEPERCAYAAN ORANG MELAYU LAMA





Selain percayakan kehadiran makhluk-makhluk tersebut berserta keupayaan semulajadi mereka, orang Melayu Islam juga percayakan Allah swt, satu-satunya Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan mempunyai kuasa mutlak untuk mentadbirkan alam semesta ini.

Allah swt melalui nabi-nabi dan rasul-rasulnya telah membantu manusia untuk mengelakkan dari ancaman makhluk halus seterusnya membimbing manusia untuk mendapatkan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Orang Melayu percaya terdapat makhluk halus yang berkeliaran di merata tempat terutamanya yang tidak bertuan. Terdapat juga tempat yang telah menjadi laluan khusus makhluk halus tersebut dan malah telah menjadi tempat tinggalnya semenjak berzaman lagi.

# AMALAN & KEPERCAYAAN
## ORANG MELAYU LAMA

**Oleh itu, orang Melayu percaya bahawa tempat atau tapak yang hendak didirikan dengan rumah mereka perlulah jauh atau tidak mengenai tempat tinggal atau laluan biasa makhluk halus untuk menghindari dari gangguan.**

# ATURCARA AWAL

## SEBELUM MENDIRIKAN RUMAH / BANGUNAN

Aturcara awal sebelum mendirikan rumah / bangunan kebiasaannya perlu mendapat bantuan dari bomoh atau pawang. Diantara langkah-langkah yang perlu dilakukan ialah :

i. Mengenalpasti keadaan tanah pada tapak

ii. Mengenalpasti kedudukan tapak

iii. Mengenalpasti arah hadapan rumah

iv. Mengenalpasti kedudukan tiang seri

# ATURCARA AWAL

## SEBELUM MENDIRIKAN RUMAH / BANGUNAN

v. Mengenalpasti masa untuk mencari kayu

vi. Mengenalpasti jenis kayu yang sesuai

vii. Mengenalpasti bulan yang sesuai untuk mendirikan rumah

viii. Mengenalpasti hari untuk mendirikan rumah

Ix. Upacara mendirikan tiang seri.

# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU

Kegiatan mendirikan rumah merupakan temasya bagi masyarakat Melayu tradisi. Ahli keluarga, sahabat-handai dan jiran-taulan telah dijemput bagi meraikan upecara tersebut.

Upacara dimulakan dengan bacaan doa selamat dan kenduri. Selepas itu bomoh atau pawang mengambil tempat untuk memulakan pendirian tiang seri.



# KEGIATAN MENDIRIKAN RUMAH WARISAN MELAYU




## Tiang Seri

